LATIHAN TATABAHASA

PRAKTIS 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa.** Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin semula ayat itu semula.

1. Negara kita mempunyai saintis yang terhebat sekali di dunia.

terhebat sekali -

2. Kita sepatutnya berasa bangga pada keunikan yang terdapat di negara ini.

pada-

3. Juruhebah radio itu gemar mempermainkan lagu-lagu balada semasa dia bertugas.

mempermainkan-

4. Murid lelaki yang mengalas beg biru itu adalah kapten pasukan bola sepak sekolah Iqbal.

adalah-

5. Suasana di kawasan pergunungan itu sangat menenangkan jiwa terutamanya bagi waktu pagi.

bagi-

LIVEWORKSHEETS

PRAKTIS 2

Dalam petikan di bawah ini, **terdapat empat kesalahan bahasa. Tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pelbagai gelagat dapat disaksikan ketika menonton perlawanan hoki di stadium. Antaranya termasuklah jeritan para penonton-penonton, malah ada yang melepaskan perasaan geram kepada pemain serta pengadil disebabkan tidak berpuas hati dengan sesuatu insiden. Pihak pengurusan stadium biasanya menyediakan kumpulan keselamatan bagi memastikan keadaan terkawal. Di samping itu, anjing mengesan turut disediakan untuk mengawal penonton yang bertindak liar dan membahayakan lain-lain penonton. Selain itu, kerjasama daripada pihak penonton juga amat diperlukan bagi memberikan peluang kepada pemain-pemain untuk beraksi dengan baiknya tanpa gangguan.

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

LIVEWORKSHEETS